



MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA (*Malay Language Council, Singapore*)

Jawatankuasa Anugerah Persuratan 2020

d/a Majlis Buku Singapura (*Singapore Book Council*)

Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk E #03-32, Singapore 439053

E-mel: [programmes@bookcouncil.sg](mailto:programmes@bookcouncil.sg) Tel: 63425119 / 63425125

## Anugerah Persuratan 2023

### Soalan Kerap Ditanya

#### **Mengenai Anugerah Persuratan**

**Anugerah Persuratan** merupakan usaha berterusan Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) untuk mengiktiraf para penulis yang bergiat dalam seni persuratan. MBMS telah menganjurkan acara dwitahunan ini sejak tahun 1993. Selain pengiktirafan, Anugerah ini juga meningkatkan dan memupuk perkembangan penulisan dalam kalangan penulis berbahasa Melayu, menggalakkan penerbitan karya yang bermutu dan memasyarakatkan bidang persuratan.

#### **Penghantaran Karya**

##### **1) Siapakah yang layak menghantar karya mereka untuk Anugerah Persuratan 2023?**

Penyertaan karya bagi Anugerah Persuratan dibuka kepada semua penulis karya warganegara dan penduduk tetap Singapura. Penyertaan karya juga boleh dilakukan oleh penerbit bagi pihak penulis tersebut.

##### **2) Apakah kategori Hadiah Persuratan yang dipertandingkan?**

Bagi bidang karya, terdapat 6 kategori kesemuanya iaitu Cerpen, Esei Sastera, Novel, Sajak, Sastera Kanak-kanak dan Teater (untuk pentas). Semua karya yang dihantar haruslah dalam bentuk buku yang telah dicetak dan mempunyai nombor ISBN.

##### **3) Apakah tempoh kelayakan?**

Hanya buku-buku yang telah diterbitkan pada tahun 2020, 2021 dan 2022, sama ada di Singapura atau di luar negara akan diterima. Buku berkenaan juga harus mempunyai nombor ISBN untuk menentukan kesahihannya.

##### **4) Bolehkah saya menghantar karya yang telah saya terjemahkan ke Bahasa Melayu?**

Karya yang dihantar bagi penilaian Anugerah Persuratan 2023 pada dasarnya ditujukan pada karya asli dalam bahasa Melayu sahaja.



MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA (*Malay Language Council, Singapore*)

Jawatankuasa Anugerah Persuratan 2020

d/a Majlis Buku Singapura (*Singapore Book Council*)

Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk E #03-32, Singapore 439053

E-mel: [programmes@bookcouncil.sg](mailto:programmes@bookcouncil.sg) Tel: 63425119 / 63425125

**5) Bagaimakah cara untuk saya menghantar karya saya dalam talian?**

Semua penyertaan harus dihantar melalui borang dalam talian di [sini](#). Sila baca dan fahami panduan pertandingan untuk mengelakkan penyertaan anda menjadi kurang lengkap dan/atau tidak layak.

**6) Apakah saiz fail yang boleh dimuatnaikkan sewaktu mengisi borang dalam talian?**

Setiap fail yang dimuatnaikkan tidak boleh melebihi 1GB.

**7) Saya telah cuba untuk memuatnaikkan salinan digital karya saya tetapi gagal.**

**Apakah yang boleh saya lakukan?**

Setiap penghantaran karya harus didahului dengan mengisi borang dalam talian di [sini](#).

Jika Tuan/Puan mengalami masalah untuk memuatnaikkan salinan digital melalui lelaman yang disediakan, sila e-mel Puan Celine ([celine@bookcouncil.sg](mailto:celine@bookcouncil.sg)) atau Puan Alya ([programmes7@bookcouncil.sg](mailto:programmes7@bookcouncil.sg)).

**8) Saya tidak mempunyai salinan digital bagi karya yang ingin dihantar untuk penilaian**

**Anugerah Persuratan 2023. Apakah yang boleh saya lakukan?**

Tuan/Puan masih perlu mengisi borang penghantaran karya dalam talian di [sini](#). Sila cetak emel pengesahan yang akan dihantar ke alamat emel Tuan/Puan setelah selesai mengisi borang penghantaran karya. Setelah itu, Tuan/Puan boleh hubungi pihak Sekretariat untuk menghantar karya secara fizikal di pejabat Majlis Buku Singapura (Singapore Book Council), yang beralamat:

90 Goodman Road  
Goodman Arts Centre  
Blk E, #03-32  
Singapore 439053

Untuk setiap karya yang ingin dinilai, pihak pengajur memerlukan tiga (3) naskhah buku tersebut beserta emel pengesahannya. Penghantaran karya secara fizikal boleh dilakukan daripada 10 April hingga 10 Mei 2023 pada waktu pejabat (10 pagi – 6 petang).

**9) Bilakah tarikh penutup bagi penghantaran karya?**

Penghantaran karya (dalam talian atau secara fizikal) perlu dilakukan selewat-lewatnya pada hari Rabu, 10 Mei 2023, jam 6 petang. Penghantaran lewat tidak akan diterima.



MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA (*Malay Language Council, Singapore*)

Jawatankuasa Anugerah Persuratan 2020

d/a Majlis Buku Singapura (*Singapore Book Council*)

Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk E #03-32, Singapore 439053

E-mel: [programmes@bookcouncil.sg](mailto:programmes@bookcouncil.sg) Tel: 63425119 / 63425125

**10) Bolehkah saya menghantar lebih daripada satu karya untuk penilaian?**

Penulis/Penerbit boleh menghantar lebih daripada satu karya untuk penilaian, selagi karya-karya tersebut dicetak pada tahun 2020, 2021 dan 2022, serta mempunyai nombor ISBN untuk menentukan kesahihannya.

**11) Cerpen saya telah dicetak di suratkhabar Berita Minggu. Adakah karya saya layak untuk penilaian Anugerah Persuratan 2023?**

Kategori eceran telah digugurkan dan tidak akan dinilai bagi Anugerah Persuratan 2023.

**12) Saya seorang penulis swaterbit (self-published) dan telah menulis buku ini bersama dua orang rakan penulis lain. Bolehkah kami menghantar karya kami untuk penilaian Anugerah Persuratan 2023?**

Karya-karya antologi boleh dihantarkan, asalkan semua penulis yang terlibat merupakan warganegara Singapura ataupun penduduk tetap Singapura.

**13) Buku saya belum diterbitkan untuk pasaran tetapi penerbit saya telah memberi kelulusan untuk dicetak. Bolehkah saya menghantar manuskrip saya sekarang dan bukunya kemudian?**

Tidak. Pihak pengajur hanya akan menerima karya yang telah diterbitkan pada tahun 2020, 2021 dan 2022, serta mempunyai nombor ISBN untuk menentukan kesahihannya.

**14) Bagaimanakah penilaian karya dijalankan?**

Setiap kategori akan dinilai oleh sebuah panel terdiri daripada dua orang pengadil. Keputusan pengadil muktamad dan mengikat. Surat-menjurat berkaitan dengan keputusan pengadil tidak akan dilayan.

**15) Saya ada soalan tambahan yang tidak tersenarai di atas. Apakah yang boleh saya lakukan?**

Untuk maklumat lanjut atau pertanyaan lain, Tuan/Puan boleh e-mel Puan Celine ([celine@bookcouncil.sg](mailto:celine@bookcouncil.sg)) atau Puan Alya ([programmes7@bookcouncil.sg](mailto:programmes7@bookcouncil.sg)). Tuan/Puan boleh juga hubungi Puan Celine di talian 63425125.